

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (LOKAL)

TARIKH: 16 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: 23

## Beberapa kawasan beransur pulih

**Shah Alam:** Keadaan jerebu di beberapa kawasan di negeri ini beransur pulih dengan bacaan paras Indeks Pencemaran Udara (IPU) berada pada tahap sederhana berbanding tidak sihat sebelum ini.

Setakat jam 2 petang semalam, hanya Banting dan Johan Setia merekodkan IPU tidak sihat iaitu masih melebihi 100.

Lain-lain kawasan seperti Shah Alam, Petaling Jaya, Kuala Selangor dan Klang yang menunjukkan IPU berada pada tahap sederhana.

Ketua Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Zon Klang, Samsol Maarif Saibani berkata, pihaknya meneruskan rondaan sekitar Johan Setia menunjukkan IPU sangat tidak sihat melebihi tahap 200 sejak beberapa hari lalu.

"Hujan lebat semalam (kelmarin) membantu menurunkan bacaan IPU di kawasan berkenaan. Sejak kelmarin (Jumaat) IPU di Johan Setia adalah yang tertinggi iaitu lebih 250.

"Kesan hujan lebat, IPU kawasan ini turun kepada 103 setakat jam 2 petang tadi (semalam)," katanya, semalam.